

| | |
|-----------|------------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date | 26 NOVEMBER 2016 |

RMR1M bantu rakyat miskin miliki rumah

BH - 26/11/2016

➔ PM lancar projek 10,000 kediaman dimajukan SPNB untuk rakyat berpendapatan rendah

Oleh Magendran Rajagopal dan Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

▪ Sepang

Datuk Seri Najib Razak semalam melancarkan program Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M) bertemakan '10,000 Hasrat, Satu Impian', simbolik menandakan 10,000 rumah yang dilulus untuk dimajukan oleh Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB).

RMR1M yang diperkenalkan SPNB bertujuan menzahirkan hasrat rakyat miskin atau penduduk berpendapatan rendah yang tidak mempunyai rumah atau tinggal di rumah usang, tetapi ada tanah untuk memiliki kediaman sendiri yang dijadual siap dibina hanya

dalam tempoh tiga hingga enam bulan.

Majlis pelancaran projek di Bukit Changgang, dekat sini, turut dihadiri Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid; Ahli Dewan Undangan Negeri Dengkil, Shahrum Mohd Sharif dan Pengerusi SPNB, Datuk Dr Abd Latiff Ahmad.

Bantu masyarakat kampung

Bagi penternak lembu di Rancangan Tanah Belia Bukit Changgang, Sharil Mohd Sharif, 34, RMR1M sangat baik kerana dapat membantu masyarakat kampung dan golongan berpendapatan rendah mencapai impian memiliki rumah sendiri.

"Sebelum ini saya bersama isteri

dan dua anak menumpang rumah ibu bapa yang juga ada lapan lagi ahli keluarga. Syukurilah kerajaan bantu saya untuk dapatkan rumah sendiri," katanya yang mendirikan rumah tangga pada 2009 dan memohon RMR1M pada 2012.

Pembantu Pengurusan Murid di Sekolah Kebangsaan Rancangan Tanah Belia, Bukit Changgang, Haizun Mohd Rudin, 32, turut berterima kasih kepada kerajaan kerana program itu memberi peluang kepada golongan muda seperti yang memiliki rumah walaupun menghadapi kekangan kewangan.

"Sekiranya program ini tidak diperkenalkan, belum tentu saya dapat memiliki rumah sendiri yang harga sebenarnya juga pasti lebih tinggi. RMR1M hanya mengenakan ansuran bulanan berpatutan, malah kami turut menerima subsidi

kerajaan, sekali gus meringankan beban kewangan," katanya.

Tiga bilik tidur, dua bilik air

Dua reka bentuk RMR1M yang dilengkapi tiga bilik tidur dan dua bilik air, ialah unit setingkat berkeluasan 93 meter persegi (mp/s) berharga RM65,000 dengan kerajaan memberi subsidi RM20,000. Model kedua, rumah setingkat berkeluasan 79mp/s berharga RM55,000 dengan kerajaan memberi subsidi RM17,500.

Model ketiga, rumah setingkat berkeluasan 65mp/s berharga RM45,000 dilengkapi dua bilik tidur dan dua bilik air dengan subsidi kerajaan RM15,000. Baki pinjaman bagi ketiga-tiga kategori kediaman diperoleh daripada pinjaman SPNB dengan kadar faedah dua peratus.